

05 OCT 2000

Najib-Sabah

KEMENTERIAN PERTAHANAN KAJI KEMUNGKINAN PINDAH PENGHUNI DI PULAU DI SABAH

HULU TERENGGANU, 5 Okt (Bernama) -- Kementerian Pertahanan kini mengkaji kemungkinan memindahkan penghuni di pulau-pulau di perairan Sabah yang didapati terdedah kepada ancaman lanun dan penculikan, sebagai langkah menjaga keselamatan mereka.

Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak berkata tindakan itu adalah satu daripada tiga langkah yang dicadangkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam taklimat beliau dengan Kementerian Pertahanan minggu lepas sebagai usaha mengawal keselamatan di kawasan berkenaan.

Beliau berkata angkatan tentera dan polis akan membuat tinjauan terhadap 94 pulau di Sabah yang mempunyai penghuni sama ada terdiri daripada rakyat Malaysia atau pendatang haram bagi memastikan tahap keselamatan pulau-pulau itu.

"Kalaulah pulau itu terdedah kepada bahaya dari segi ancaman lanun dan penculikan orang kita...kita akan buat kajian sama ada boleh dilakukan perpindahan.

"Perkara itu tak mudah untuk dilakukan kerana mungkin masyarakat di sana telah menetap di sana begitu lama...tetapi kalau dapat dilakukan mungkin dapat mengurangkan bilangan pulau yang perlu dikawal," katanya kepada pemberita selepas majlis Tentera Bersama Rakyat di Sekolah Kebangsaan Menerong di sini, hari ini.

Beliau berkata tinjauan ke pulau-pulau itu akan dilakukan bersama-sama Jawatankuasa Keselamatan Negeri dan polis.

Najib berkata tinjauan itu akan memakan masa beberapa bulan kerana mereka perlu mengetahui dengan terperinci mengenai kedudukan dan penghuni di sesebuah pulau itu memandangkan jumlah pendatang haram di Sabah adalah besar.

Ketika ditanya apakah tindakan yang akan diambil jika pulau itu dihuni pendatang haram, beliau berkata: "Jika pulau itu dihuni pendatang haram, ia tidak akan dikawal dan Majlis Keselamatan Negara akan menentukan tindakan seterusnya."

Najib berkata pasukan keselamatan juga akan menentukan laluan khusus untuk bot-bot yang melalui kawasan itu bagi memudahkan tindakan diambil sekiranya terdapat "bot-bot yang mempunyai niat jahat".

"Perdana Menteri minta supaya laluan yang digunakan oleh bot ditentukan kawalan yang secara khusus...dengan ini mana-mana bot yang hendak keluar masuk sepatutnya menggunakan laluan yang ditentukan.

"Dengan menggunakan laluan ini bermakna mereka yang tidak mengguna laluan ini kita anggap sebagai mungkin ada niat jahat yang boleh diambil tindakan oleh tentera," katanya.

Najib berkata pasukan keselamatan juga akan menunjukkan kehadiran mereka di kawasan berkenaan dengan membuat penerbangan atau kawalan udara dan membuat tembakan dari semasa ke semasa.

"Kita tidaklah menembak apa-apa sasaran tetapi nak memberi isyarat yang jelas bahawa kita serius dalam menentang pencerobohan di kawasan kita," katanya.

Angkatan tentera kini mengawal 15 lokasi di Sabah iaitu 13 pulau dan dua kawasan persisiran pantai.

Ketika ditanya mengenai kedudukan logistik di sana, Najib berkata kementerian sedang mengkaji perkara itu termasuk masalah bekalan air untuk anggota keselamatan di pulau-pulau yang tidak mempunyai bekalan air.

"Kita sedang membekal melalui bekalan air yang diberikan melalui bot-bot tentera laut dan polis yang dapat kita gunakan," katanya.

-- BERNAMA

SN MAI

